



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Peperiksaan Akhir Semester 2
Sesi Pengajian 2009/2010**

Kod Kursus : PG 1108

Nama Kursus : Melayu Islam Beraja

Jenis Kursus : Program Sarjana Muda

Masa : 2 jam

Nota :

1. Jawab Semua soalan A dan B.
2. Jawab **2 soalan sahaja** dari bahagian C.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

10100

013154

UNISSA LIBRARY



1010013154

Tarikh: _____

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bahagian A

Sila jawab semua soalan dan tulis jawapan yang betul dipetak yang disediakan:

- 1) Sejarah telah membuktikan bahawa MIB telah wujud dan diamalkan sejak Sultan Muhammad Shah sebagai sultan Islam pertama (1363-1402) dan semakin kukuh semasa pemerintahan
 - a. Sultan Sharif Ali
 - b. Sultan Saiful Rizal
 - c. Sultan Hasan
 - d. Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
 - e. Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
- 2) Sebelum kedatangan Agama Islam ke Brunei, Kerajaan Brunei Tua yang dikenali dengan nama P'o-li, P'o-lo dan P'o-ni adalah dipengaruhi
 - a. Hindu-Buddha
 - b. Hindu
 - c. Animisme
 - d. Buddha
 - e. Konfucius
- 3) Warisan adat di antaranya Naubat Kebesaran Diraja yang diwarisi oleh Sultan-Sultan Brunei sejak dulu lagi hingga sekarang. Peralatan Naubat ialah:
 - a. Nakara, Gong dan Serunai
 - b. Gong, Guling tangan dan 2 Gendang Labek
 - c. Nakara, 2 Gendang Labek dan Serunai
 - d. Hadrah dan seruling
 - e. Serunai sahaja
- 4) Dalam konteks Beraja dalam falsafah MIB ini, Sultan memiliki 6 kedudukan. Semua yang disebutkan di bawah ini adalah betul kecuali:
 - a. Raja sebagai pemimpin tertinggi adat istiadat
 - b. Raja sebagai payung Allah di muka bumi
 - c. Raja sebagai penglima tertinggi angkatan bersentaja
 - d. Raja sebagai pemimpin tertinggi Negara Islam
 - e. Raja sebagai kepada Negara

5) Bilakah Imam Syafi'i dilahirkan dan di mana beliau dilahirkan?

- a. 80H/699M di Kufah, Iraq
- b. 90H/714M di Madinah, Arab Saudi
- c. 150H/757M di Gaza, Palestina
- d. 80H/699M di Gaza, Palestina
- e. 150H/757M di Kufah, Iraq

6) Berikut adalah Puak Jati Melayu kecuali

- a. Melayu Bisaya
- b. Melayu Iban
- c. Melayu Dusun
- d. Melayu Murut
- e. Melayu Tutong

7) Kewangan Islam mulai diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun

- a. 1965
- b. 1996
- c. 1984
- d. 1991
- e. 1999

8) Apakah tema hari kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-26?

- a. "Bersatu Padu Menghayati Konsep Negara Melayu Islam Beraja"
- b. "Negaraku Brunei Darussalam"
- c. "Membina Insan Yang Sempurna Dengan Pendidikan Bersepadu"
- d. "Iltizam Memperkasa Keupayaan Bangsa"
- e. "Kedewasaan Bernegara"

9) Di dalam semua surah yang disebutkan dibawah ini, hanya satu surah yang tidak menyebutkan tentang pengharaman riba', iaitu:

- a. Surah ar-Rum
- b. Surah al-Anbiya'
- c. Surah an-Nisaa'
- d. Surah 'ali-Imran
- e. Surah al-Baqarah

10) Di bawah pemerintahan sultan manakah Brunei diserang oleh orang Sepanyol?

- a. Sultan Omar Ali Saifuddien I
- b. Sultan Saiful Rijal
- c. Sultan Shah Brunei
- d. Sultan Hashim
- e. Sultan Bolkiah

(10 Markah)

Bahagian B

TERASUL DAN BAHASA DALAM

1. Siapakah menggunakan terasul ‘Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda’?

2. Apakah terasul bagi Putera-Putera Sultan yang gahara?

3. Apakah terasul bagi Pengiran-Pengiran Chateria?

4. Apakah terasul bagi Pehin-Pehin Menteri Berchiri?

5. Apakah perbezaan Dato dengan Datu?

(10 Markah)

Bahagian C

Jawab 2 soalan sahaja. Semua jawapan antara 130-150 perkataan.

1. Huraikan bagaimana cara ataupun langkah-langkah untuk mewujudkan jati diri keBruneian.

(10 markah)

2. Mazhab manakah yang dipraktikkan di negara Brunei Darussalam dan huraikan dengan jelas mazhab tersebut.

(10 markah)

3. Melayu Islam Beraja adalah bersifat Integral. Huraikan pernyataan tersebut.

(10 markah)

4. Bahasa menunjukkan bangsa. Begitulah slogan yang sering dilihat di kebanyakan jalan-jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Apakah benar bahasa menunjukkan bangsa? Huraikan pendapat biskita.

(10 markah)

- 5 . Kebanyakkan masalah-masalah sosial yang berlaku dikalangan remaja masakini adalah akibat ceteknya Ilmu agama yang diterapkan dalam diri mereka dan juga pengaruh dari negeri Barat yang sentiasa berlomba-lomba untuk mengajak para remaja meninggalkan agama yang ‘kolot’. Bagaimanakah cara untuk mengatasi atau mengurangkan masalah tersebut dari perspektif seorang individu Muslim yang bertanggungjawab?

(10 markah)

بالتوفيق والنجاح